

KREATIVITI PENGHASILAN KRAF MANIK SERAMIK ETNIK LUN BAWANG DI SARAWAK

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

MOHAMAD NURHANIF BIN HAZMAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

**KREATIVITI PENGHASILAN KRAF MANIK SERAMIK ETNIK LUN
BAWANG DI SARAWAK**

MOHAMAD NURHANIF BIN HAZMAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI SENI, KELESTARIAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 23 (hari bulan) April (bulan) 2024

i. Perakuan Pelajar

Saya, **Mohamad Nurhanif Bin Hazman (M20191000780) Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **Kreativiti Penghasilan Kraf Manik Seramik Etnik Lun Bawang di Sarawak** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **Prof. Madya Dr. Harozila binti Ramli** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Kreativiti Penghasilan Kraf Manik Seramik Etnik Lun Bawang di Sarawak** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi ~~sebahagian~~ / sepenuhnya syarat untuk memperoleh **Ijazah Sarjana Sastera**.

01 Ogos 2024

Tarikh

PROF MADYA DR HAROZILA BINTI RAMLI
Jabatan Seni dan Reka Bentuk
Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tandatangan Penyelia Perak.




UPS/WPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Kreativiti Penghasilan Kraf Manik Seramik Etnik Lun Bawang di Sarawak

No. Matrik / Matric's No.: M20191000780

Saya / I: Mohamad Nurhanif Bin Hazman

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Signature
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

PROF MADYA' DR HAROZIHA BINTI RAMLI
Jabatan Seni dan Reka Bentuk
Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif
Universiti Pendidikan Sultan Idris
85900 Tanjong Malim, Perak
(Tandatangan Petyelia 85900 Tanjong Malim, Perak)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 01 Ogos 2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Syukur atas segala limpah-Nya yang telah memberikan kekuatan sehingga tuntasnya kajian terhadap kraf seni manik seramik etnik Lun Bawang yang menjadi pelengkap kepada pengajian ijazah sarjana dalam bidang kraf ini. Pengalaman sepanjang kerjaya dalam industri kraf negara selama lebih 30 tahun ini khususnya dalam bidang kraf manik seramik ini telah melahirkan kesedaran betapa pentingnya sokongan individu dan komuniti dalam bidang berkaitan untuk sama-sama melestarikan industri kraf warisan negara yang kian pudar menongkah setiap arus peredaran masa ini. Penyelidikan ini adalah sebagai satu sumbangan kecil ke arah menambah khazanah maklumat dalam sejarah penghasilan kraf seni manik seramik terutama di Sarawak. Jutaan terima kasih yang tak terhingga kepada Professor Madya Dr. Harozila binti Ramli selaku penyelia utama yang telah memberi ruang dan peluang untuk saya menimba sebanyak mungkin ilmu bagi membaiki kelemahan yang ada serta memberi kepercayaan kepada diri ini untuk melengkapkan kajian ini. Terima kasih juga ditujukan kepada Professor Dr. Tajul Shuhaizam bin Said selaku penyelia kedua yang begitu banyak memberi panduan berguna serta ilmu tambahan dalam melengkapkan kajian ini. Penghargaan ini juga saya khususkan kepada semua warga Pusat Kraf Manik Seramik di Kampung Long Tuma Lawas terutama Puan Patricia Busak selaku responden utama dalam kajian ini yang begitu banyak memberikan kerjasama sepanjang saya melakukan kajian ini bagi tujuan mengumpulkan data dan maklumat berkaitan. Tidak dilupakan juga kepada penglibatan tokoh-tokoh dan adiguru kraf dalam pelbagai bidang yang telah mendapat pengiktirafan kerajaan di atas usaha yang tidak pernah mengenal jemu untuk turut memastikan warisan kraf tangan negara terus terpelihara. Kalungan terima kasih juga kepada buat ibunda tercinta, Azizah Abd Rahman dan ayahanda, Hazman Bin Marjak di atas doa restu yang sentiasa mengiringi diri ini sepanjang menjalankan kajian dan penyelidikan seni manik seramik. Tidak lupa juga buat kawan-kawan yang banyak memberikan sokongan spiritual dan material dalam menyiapkan tugas ini semoga segala usaha yang diberikan dalam pencarian ilmu ini mendapat balasan kebaikan yang berterusan buat semua. Akhirnya, segugus titipan doa keberkatan buat semua yang terlibat secara langsung atau tidak dalam membantu diri ini menyiapkan dan menyempurnakan tugas ini selengkapnya.





ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada keindahan seni manik seramik etnik Lun Bawang di Lawas, Sarawak menerusi penghasilan kraf manik seramik dari segi olahan, penggunaan bahan, mereka corak dan proses penghasilannya. Tujuan kajian ini adalah untuk memperkenalkan seni manik seramik etnik Lun Bawang ke peringkat lebih tinggi dan memberi pendedahan kepada masyarakat umum tentang kreativiti etnik Lun Bawang. Kaedah kualitatif menerusi pendekatan Sejarah telah menunjukkan keunikan kraf manik etnik Lun Bawang terletak pada motif dan proses penghasilannya. Pengumpulan data kajian ini dilakukan melalui kaedah pemerhatian terhadap objek seni manik seramik, kaedah temu bual, kajian lapangan, analisis dokumen dan analisis data untuk menjawab ketiga-tiga objektif dan persoalan kajian yang dikemukakan. Kajian mengenai kreativiti manik seramik Lun Bawang ini telah menjumpai 30 jenis motif manik seramik dengan pelbagai rekaan yang melibatkan flora fauna, geometri dan juga alam kosmos. Motif-motif tradisional etnik ini digambarkan dan diinterpretasikan melalui permukaan manik berfungsi untuk mencerminkan identiti dan kebudayaan etnik Lun Bawang. Terdapat pelbagai jenis saiz manik yang melibatkan ukuran paling kecil, iaitu 1.2 cm dan yang paling besar bersaiz 2.5 cm dengan diameter 0.5 cm. Pelbagai bentuk manik seramik yang melibatkan bentuk bulat, bulat berlekuk, memanjang, bujur dan bujur berlekuk telah ditemukan. Keunikan manik ini juga terserlah pada warna manik yang kebanyakannya terdiri daripada warna merah, hitam, kuning, biru dan juga putih. Adaptasi sumber alam seperti tanah liat di sungai Lawas dan teknik pembakaran *bisque* dengan suhu mencecah 900 darjah celsius selama lapan hingga sembilan jam telah menjadikan manik ini unik. Nilai keindahan dalam apresiasi etnik Lun Bawang ini terhadap penghasilan seni manik dalam budaya mereka merupakan satu refleksi kreativiti terhadap ketelitian observasi tentang fungsi dan sifat bahan alam sebagai bahan utama bagi penghasilan manik. Secara keseluruhannya kajian ini serba sedikit telah memperkenalkan kreativiti etnik Lun Bawang dan boleh dijadikan asas untuk mengenal pasti identiti budaya suatu bangsa, di samping dapat digunakan sebagai panduan kepada pengkaji lain yang ingin membuat penyelidikan lanjut tentang manik di Sarawak dari sudut yang berbeza.



CREATIVITY OF LUN BAWANG ETHNIC CERAMIC BEAD CRAFT PRODUCTION IN SARAWAK

ABSTRACT

This study focuses on the beauty of Lun Bawang ethnic ceramic bead art in Lawas, Sarawak through the production of ceramic bead craft in terms of processing, material use, pattern design and production process. The purpose of this study is to introduce the Lun Bawang ethnic ceramic bead art to a higher level and give exposure to the general public about the creativity of the Lun Bawang ethnicity. Qualitative methods through a historical approach have shown the uniqueness of the Lun Bawang ethnic bead craft lies in its motif and production process. The collection of data for this study was done through observation of ceramic bead art objects, interview methods, field research, document analysis and data analysis to answer the three objectives and research questions presented. This study on the creativity of Lun Bawang ceramic beads has found 30 types of ceramic bead motifs with various designs involving flora and fauna, geometry and the cosmos. These ethnic traditional motifs are depicted and interpreted through the surface of the beads to reflect the ethnic identity and culture of Lun Bawang. There are various types of bead sizes involving the smallest size, which is 1.2 cm and the largest size is 2.5 cm with a diameter of 0.5 cm. A variety of ceramic bead shapes involving round, round indented, elongated, oval and indented oval shapes have been found. The uniqueness of this bead is also evident in the color of the bead which mostly consists of red, black, yellow, blue and white. The adaptation of natural resources such as clay in the Lawas river and the bisque burning technique with temperatures reaching 900 degrees Celsius for eight to nine hours have made this bead unique. The value of beauty in the Lun Bawang ethnicity's appreciation for the production of bead art in their culture is a reflection of creativity on the careful observation of the function and nature of natural materials as the main material for the production of beads. Overall, this study has introduced a little bit of Lun Bawang's ethnic creativity and can be used as a basis to identify the cultural identity of a nation, in addition to being used as a guide to other researchers who want to do further research on beads in Sarawak from a different angle.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI GAMBAR	xi
SENARAI RAJAH	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	
	1.0	Pengenalan	1		
	1.1	Latar Belakang Kajian	4		
	1.2	Pernyataan Masalah	9		
	1.3	Objektif	14		
	1.4	Persoalan Kajian	14		
	1.5	Batasan Informan	15		
		1.5.2 Batasan Objek Seni	15		
		1.5.3 Batasan Tempat	16		
	1.6	Kepentingan Kajian	16		
	1.7	Definisi Operasional	18		
		1.7.1 Manik	18		
		1.7.2. Lun Bawang	18		

1.7.3.	Kreatviti	19
1.8	Rumusan	20
BAB 2 KAJIAN LITERATUR		
2.1	Pengenalan	21
2.2	Latar Belakang Etnik Lun Bawang	22
2.3	Salasilah Pengusaha Manik Lun Bawang	38
2.4	Kajian Lepas Berkaitan Seni Manik	41
2.5	Kreativiti Kraf Tangan	48
2.6	Teori Dan Model	50
2.7	Rumusan	56
BAB 3 METODOLOGI		
3.1	Reka Bentuk Kajian	58
3.2	Kerangka Konseptual	59
3.3	Pengumpulan Data	66
3.3.1	Kaedah Pemerhatian Objek Manik Seramik	67
3.3.2	Kaedah Temu Bual	70
3.3.3	Kajian Lapangan	73
3.3.4	Kaedah Analisis Dokumen	74
3.4	Kaedah Analisis Data	75
3.4.1	Penyaringan Data	77
3.4.2	Pengkategorian Data	77
3.5	Matrik Pengumpulan Data	78
3.6	Rumusan	79

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	81
4.2	Dapatan Analisis Kreativiti Penghasilan Seni Manik Seramik Lun Bawang	82
4.2.1	Reka Corak Motif Manik	91
4.2.2	Saiz dan reka bentuk Manik	112
4.2.3	Warna Manik	119
4.2.4	Proses Penghasilan Manik	122
4.3	Makna Ragam Hias Dan Fungsi Manik	149
4.4	Rumusan	161

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Kesimpulan	163
5.1.1	Dari Aspek Pengkajian Sejarah Penciptaan	164
5.1.2	Hubungkait Manik Dan Kepengunannya	165
5.1.3	Seni Manik Lun Bawang Jati Diri Etnik Lun Bawang Di Lawas	165
5.1.4	Rupa Bentuk Manik Lun Bawang Menterjemahkan Nilai Tamadun Bangsa	166
5.1.5	Rupa Bentuk Manik Lun Bawang Menterjemahkan Nilai Tamadun Bangsa	167
5.2	Cadangan	168
5.2.1	Saranan Kepada Usahawan Dan Pengusaha Kraf Manik	168
5.2.2	Saranan Kepada Agensi Yang Bertanggungjawab Dalam Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Seni	169

5.2.3	Saranan Kepada Agensi Pendidikan Dan Pembangunan Modal Insan	170
5.2.4	Saranan Kepada Agensi Yang Berkaitan Dengan Pembangunan Usahawan Kraf	171
5.2.5	Perancangan Jangka Pendek Bagi Memastikan Kelestarian Warisan Kraf Di Dalam Negara	173

RUJUKAN		175
----------------	--	-----



SENARAI GAMBAR

No. Gambar		Muka Surat
1.1	Peta Sarawak	2
2.1	Kawasan Daerah Lawas	25
2.2	Gambar Gong Agung.	32
2.3	Pakaian Lelaki Kaum Lun Bawang.	33
2.4	Pakaian Kaum Perempuan Bagi Masyarakat Lun Bawang.	33
2.5	Gambar Perkahwinan etnik Lun Bawang	36
2.6	Gambar Patricia Busak Pengusaha Manik Lun Bawang.	39
2.7	Gambar keratan akhbar Metro Online bertarikh 8 Januari 2015	43
4.1	Manik Yang Diperbuat Daripada Kerang Dan Gigi Binatang.	82
4.2	Manik Kaum Kenyah.	84
4.3	Manik Kaca Biru Muda	85
4.4	Gambar Topi (pata) Kepala Etnik Lun Bawang.	89
4.5	Pohon Buluh Yang Dijadikan Sumber Idea Etnik Lun Bawang Dalam Menghasilkan Reka Corak Manik	92
4.6	Motif Bamboo (Arit Bulu) yang bersumberkan buluh	93
4.7	Motif Bamboo Bertemu (Arit Bulu Nepapu)	94
4.8	Motif Rebuyung (Rebuyung Arit Bulu)	94
4.9	Motif Umbut Buluh(Arit Bulu Betung)	95



4.10	Motif Bunga(Arit Bunga)	96
4.11	Motif Nenas (Arit Match Bua Kaber)	97
4.12	Motif Labu (Arit Bua Tacak)	97
4.13	Motif Kulat (Arit Kecap).	98
4.14	Motif Bunga Terung(Arit Bunga Terung)	99
4.15	Motif Mata Burung Tiung (Arit Match Siuk)	100
4.16	Motif Mata Kelawar (Arit Match Pawat)	101
4.17	Motif Mata Harimau (Arit Match Belang)	101
4.18	Motif Mata (Arit Match)	103
4.19	Motif Rama-Rama (Arit Belepang)	104
4.20	Motif Tulang (Arit Bulu)	104
4.21	Motif Topi Rong (Arit Rong)	106
4.22	Motif Kalung (Arit Belilid)	107
4.23	Motif Matahari (Arit Match Eco)	110
4.24	Motif Sarawak(Arit Sarawak)	111
4.25	Motif Love (Arit Love)	111
4.26	Kod warna yang digunakan oleh etnik Lun Bawang dalam pewarnaan manik	120
4.27	Koleksi manik dan warna-warna manik	121
4.28	Koleksi manik dan warna-warna manik yang mengekalkan warna tanah liat	122
4.29	Lakaran idea motif Lun Bawang	125
4.30	Proses membersihkan tanah liat	127
4.31	Proses mengasingkan tanah liat daripada air	128
4.32	Proses menguli tanah liat	129

4.33	Proses menguli tanah liat	129
4.34	Proses menguli dan menggentel serta membentuk manik	131
4.35	Proses membentuk lubang pada manik	131
4.36	Proses membentuk lubang pada manik	132
4.37	Proses membentuk corak(lekuk) pada manik	132
4.38	Proses pengeringan manik	133
4.39	Proses menyusun manik di dalam oven untuk pengeringan	134
4.40	Proses pengeringan manik di dalam oven	134
4.41	Variasi bentuk manik yang siap dikeringkan	135
4.42	Variasi bentuk manik yang siap dikeringkan	135
4.43	Manik yang telah siap di bakar	138
4.44	Proses sapuan <i>glaze</i> pada manik	140
4.45	Manik yang siap diwarnakan menggunakan <i>glaze</i>	141
4.46	Manik yang sedia untuk dibakar untuk kali kedua(pembakaran <i>glazing</i>)	142
4.47	Manik siap dibakar kali kedua(pembakaran <i>glazing</i>)	143
4.48	Manik siap dibakar kali kedua(pembakaran <i>glazing</i>)	144
4.49	Koleksi perhiasan daripada manik Lun Bawang	146
4.50	Koleksi manik Lun Bawang yang dikomersialkan	147
4.51	Koleksi manik Lun Bawang yang dijual berasingan	147
4.52	Koleksi manik Lun Bawang yang dijual berasingan	148
4.53	Topi atau Pata Bow	155



4.54	Tali pinggang manik	157
4.55	Rekaan rantai leher manik	159
4.56	Rekaan gelang dan anting-anting manik	160





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Salasilah keluarga pengusaha manik Lun Bawang	40
2.2	Konsep kreativiti Calvin W.Taylor	52
2.3	Penjadualan Kajian Yang Diadaptasikan Dari Pendekatan Teori Kreativiti Calvin W.Taylor.	55
3.1	Kerangka Teori Kajian Seni Manik Seramik Etnik Lun Bawang.	60
3.2	Matriks pengumpulan data	79



BAB 1

PENDAHULUAN

Kajian ini memfokuskan kepada kreativiti penghasilan kraf tangan seni manik seramik etnik Lun Bawang di Lawas, Sarawak dari segi fungsinya dalam masyarakat, manipulasi bahan alam dalam penghasilan reka corak dan motif, dan proses penghasilannya. Idea kajian ini bertujuan untuk mengangkat kraf tangan seni manik seramik etnik Lun Bawang ini ke peringkat lebih tinggi dan memberi pendedahan kepada masyarakat untuk memperlihatkan kearifan masyarakat tempatan.

Kreativiti penghasilan kraf manik seramik merujuk kepada segala kebijaksanaan yang didasari oleh nilai-nilai kebaikan dan cetusan idea yang unik yang diterapkan dan diadaptasikan oleh sesetengah masyarakat agar ia disambung secara turun-temurun berdasarkan pengalaman dan ilmu daripada nenek moyang mereka.

Kreativiti ini juga merupakan sebahagian daripada budaya kreatif sesebuah masyarakat yang tidak dapat dipisahkan dari bahasa masyarakat itu sendiri.



Sarawak merupakan salah satu negeri yang terbesar di Malaysia kerana keluasan nya kira-kira 124,449 kilometer persegi (47,071 batu persegi). Sebelum pembentukan Persekutuan Malaysia, Sarawak ini bebas daripada kolonial British pada 22 Julai 1963. Pada peringkat awalnya, Sarawak merupakan sebuah wilayah yang bergabung bersama-sama Sabah, Singapura dan Tanah Melayu membentuk satu Persekutuan yang dikenali sebagai Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Akibat masalah ekonomi dan politik, idea penggabungan diterima oleh masyarakat Sarawak. Sarawak memiliki kawasan yang terbesar di Malaysia. Sarawak, Labuan dan Sabah dikenali sebagai Malaysia Timur.



Seni gubahan manik merupakan salah satu daripada seni kraf tangan yang terdapat di negeri Sarawak. Gubahan kraf tangan ini telah menjadi satu seni tradisi dalam kalangan masyarakat etnik di Sarawak dan di Sabah. Antara jenis manik yang digunakan ialah manik jenis kaca, plastik, permata dan batu akik dan juga seramik. Manik merupakan perhiasan diri yang sangat digemari oleh semua golongan masyarakat dan masih dijadikan perhiasan oleh etnik di kepulauan Borneo. Untaian manik menjadi hiasan pilihan utama yang dikenakan pada pakaian tradisional selain daripada perhiasan di kepala dan perhiasan lain. Hiasan manik banyak digunakan oleh suku masyarakat di Sarawak seperti Orang Ulu (masyarakat Kenyah dan Kayan), Lun Bawang, Kelabit, Iban, Bidayuh dan Melanau. Manakala di Sabah pula, manik ini digemari oleh suku kaum Kadazan Dusun, Rungus dan Murut.



pada reka corak motifnya yang digunakan, bahan serta cara penghasilannya. Motif-motif tradisional etnik Lun Bawang digambarkan dan diinterpretasikan pada permukaan manik berfungsi untuk mencerminkan identiti dan kebudayaan masyarakat yang menghasilkannya. Kreativiti, imaginasi dan kemahiran yang lahir daripada golongan ini dianggap sebagai salah satu keunikan dan merupakan satu anugerah hebat daripada maha pencipta. Kebijaksanaan dan keunikan etnik Lun Bawang dapat dilihat menerusi cara mereka menilai dan memilih motif serta bahan-bahan yang tepat dalam menghasilkan ragam motif yang sempurna serta bersesuaian dengan perubahan semasa kini. Selain itu, menerusi kepakaran mereka mengadaptasikan kreativiti dalam memberikan inspirasi dan sumber ilham daripada unsur-unsur flora, fauna dan mahupun geometri yang terdapat di sekitar kawasan kediaman mereka. Perubahan dan





perkembangan motif masyarakat Lun Bawang dapat dilihat berubah dari masa ke semasa mengikut peredaran masa dan pemilihan reka corak oleh masyarakat setempat.

1.1 Latar Belakang Kajian

Manik merupakan salah satu objek seni bukti peradaban manusia yang wujud di dunia sejak berpuluh ribu tahun yang lalu. Manik menggambarkan keunikan dalam pelbagai bentuk, saiz dan warnanya yang digunakan untuk tujuan kecantikan seperti perhiasan diri dan juga dalam menghiasi barangan keperluan harian. Meskipun saiznya agak kecil, keunikan dan keindahan manik terserlah dengan reka bentuk dan warna yang memukau. Di Sarawak, manik disebut sebagai ‘marik’ berasal dari perkataan Sanskrit, ‘maniknya



Manik juga dikaitkan dengan kepercayaan ritual, kuasa ghaib, mitos, perubatan dan status pemilik. Manik telah wujud pada zaman batu di mana manusia pada zaman itu menghiris manik daripada tulang kaki burung yang berbentuk tiub dengan menggunakan vertebra ikan untuk dijadikan perhiasan diri bagi wanita. Pada zaman yang lampau manik berfungsi sebagai barang dagangan di rantau Borneo, Brunei, Selat Melaka, Indonesia, Filipina dan Singapura. Malahan masyarakat peribumi di Sarawak menukarkan hasil hutan dengan manik-manik yang dibawa masuk dari China dan India.

Manik yang paling awal dijumpai di tapak Neolitik iaitu di Gua Niah, Sarawak berusia antara 2500 – 1000 SM. Manik-manik yang paling awal diperbuat daripada kulit kerang, biji buah-buahan, gigi, kuku dan tulang binatang yang dilubangkan dan





dicucukkan dengan tali. Menurut kajian, manik yang ada di Sarawak dibawa masuk dari India, China, Mesir dan Greece semenjak beratus-ratus tahun dahulu. Menurut Roland Bradell (1947), menyatakan bahawa manik yang ada di Sarawak di bawa masuk oleh pedagang Sabeen iaitu pada zaman pra-Kristian.

Manakala menurut H. C. Beck (1930), mendapati bahawa rantai leher manik dan karangan manik enam sejajar yang ditemui di Sarawak mempunyai persamaan dengan rantai leher dan karangan manik yang jumpai di Rom dan juga di Greece. Manik tersebut banyak digunakan oleh kaum Kelabit dan kaum Bidayuh di Sarawak. Pada zaman dahulu manik menjadi simbol tradisi bagi menunjukkan kekayaan dan status kedudukan yang tinggi dalam sesebuah masyarakat. Kebiasaannya manik berharga akan menjadi harta pusaka turun temurun, menjadi lambang dan status keluarga daripada ibu untuk anak perempuan.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rohani Abdul Karim di dalam Borneo Post Online bertarikh 12 Oktober 2015 mengatakan bahawa:

Sarawak mempunyai semua sumber untuk kraf tangan yang berkualiti bagi memenuhi pasaran manik yang kompetitif terutama bagi penduduk di luar bandar yang kini banyak telah mengkomersialkannya. Ramai usahawan wanita kita menghasilkan kerja manik dan manik sulaman pelbagai rekaan. Manik ini menjadi perhiasan diri yang dipakai semenjak dahulu lagi kerana ia melambangkan status dan kemewahan seseorang.
(Borneo Post Online, 12 Oktober 2015)

Manik ini juga turut dijadikan sebagai pertukaran mata wang dan hantaran perkahwinan. Sehingga kini, kegiatan seni kraf manik masih dijalankan oleh penduduk





tempatan di Sabah dan Sarawak. Manik-manik ini dijahit dan disulam indah untuk dijadikan sebagai perhiasan pada pakaian tradisional, tali pinggang, hiasan kepala, bakul dan keperluan harian yang lain. Manik seramik Lun Bawang sebenarnya merupakan harta pusaka yang sangat penting kepada golongan wanita kerana dianggap sangat berharga bagi mereka. Oleh hal yang demikian, dapat dilihat di sini perkembangan seni manik di Sarawak banyak memberikan manfaat dan kepentingan kepada Sarawak. Senario perkembangan seni manik seramik dapat dilihat bagaimana sesuatu masyarakat itu mampu menggunakan kreativiti mereka dalam menghasilkan sesuatu manik dan meningkatkan industri seni manik di Sarawak agar tidak dilupakan. Seperti mana kita tahu, seni manik seramik sudah lama berkembang dan dipandang sangat serius oleh masyarakat di Sarawak kerana ia merupakan salah satu sumber ekonomi di negeri ini.



Menurut Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak, Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah di dalam akhbar Berita Harian Online bertarikh 7 Oktober 2019 mengatakan bahawa:

Produk warisan itu juga antara aset pelancongan terpenting yang turut membantu mempromosikan negeri ini di peringkat dunia. Inilah keistimewaan yang terdapat di Sarawak, malah koleksi manik dihasilkan sentiasa menjadi tumpuan pengumpulannya di seluruh dunia. Kita memiliki sekurang-kurangnya 1,500 pembuat kraf tangan yang aktif dengan sebahagian kecilnya adalah pembuat manik. Justeru, Kerajaan Sarawak komited untuk membangunkan industri pembuatan kraf tangan di negeri ini dengan melakukan pembangunan, termasuk promosi ke pasaran antarabangsa bagi membolehkan pengusaha kraf tangan termasuk pembuat manik memperoleh pendapatan yang lebih baik. (Berita Harian Online, 7 Oktober 2019)

Oleh hal yang demikian, etnik Lun Bawang merupakan salah satu penyumbang terbesar di dalam industri seni manik seramik di Sarawak. Kebijaksanaan dan kreativiti



yang tinggi dalam etnik Lun Bawang dapat dilihat menerusi cara mereka menilai dan memilih motif serta bahan-bahan yang tepat dalam menghasilkan ragam motif yang sempurna serta bersesuaian dengan perubahan semasa kini. Seni manik seramik yang dihasilkan diinspirasikan daripada sumber-sumber alam seperti flora dan fauna malah reka bentuk geometri yang terdapat di sekitar kawasan mereka seperti pokok buluh dan juga burung manakala bagi pemilihan bahan pula mereka bijak memanfaatkan sumber sungai mereka iaitu tanah liat di sungai mereka untuk dijadikan bahan utama dalam pembuatan seni manik. Bagi proses pembuatan seni manik pula, mereka menggunakan pelbagai teknik pembakaran supaya manik yang dihasilkan unik dan kreatif. Perubahan dan perkembangan motif seni manik seramik etnik Lun Bawang dapat dilihat berubah dari masa ke masa mengikut peredaran masa dan pemilihan reka corak oleh masyarakat setempat.

Pada asalnya, etnik Lun Bawang merujuk kepada masyarakat Murut kerana kedua-dua etnik ini hampir sama dari beberapa aspek. Terdapat beberapa jenis etnik yang sinonim dengan Lun Bawang iaitu Lun Dayeh etnik Lun Bawang yang dikenali di Sabah, Lun Lod iaitu etnik Lun Bawang ada di sekitar kawasan hilir sungai (*downriver*). Etnik Lun Bawang boleh ditemui di sekitar bahagian Lawas, Limbang; Trusan; Kalimantan, Indonesia; dan Temburong, Brunei yakni di tengah kawasan pedalaman Borneo. Lawas merupakan pekan kecil yang terletak bersebelahan dengan negeri Sabah.

Lun Bawang sebenarnya membawa maksud orang di kawasan pedalaman (*people of the interior*). “Lun” bermaksud orang manakala “Bawang” membawa maksud ulu. Secara keseluruhannya, Lun Bawang bererti orang ulu. Pada amnya,

daripada 25 atau lebih suku kaum yang terdapat di Sarawak yang merangkumi jumlah sebanyak 1.8 juta populasi penduduk Sarawak, 5.4% daripadanya ialah suku kaum Orang Ulu. Asalnya orang pedalaman atau orang ulu adalah sebahagian daripada puak dari Kalimantan Borneo.

Etnik Lun Bawang sangat terkenal dan popular di Sarawak melalui rekaan dan keunikan maniknya. Manik etnik Lun Bawang merupakan sumbangan industri kecil kepada industri manik yang terdapat di Sarawak. Manik seramik Lun Bawang merupakan satu seni kraf tangan yang sangat popular di Sarawak. Sejak zaman berzaman kemahiran mengubah manik telah menjadi satu seni tradisi dalam kalangan masyarakat etnik Sabah dan Sarawak. Keistimewaan manik seramik Lun Bawang dapat dilihat melalui olahan rekaan motif setiap manik yang dihasilkan.

Setiap reka corak manik yang direka oleh etnik Lun Bawang memiliki nama yang tersendiri sebagai contoh corak bengkok-bengkok, corak potongan wajik dan sebagainya. Senario pemilihan motif dan reka corak seni manik Lun Bawang banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan tumbuhan yang berada di sekeliling kawasan kediaman mereka. Penerokaan terhadap bahan-bahan dan proses penghasilan manik juga merujuk kepada kreativiti etnik Lun Bawang dalam mengekalkan beberapa identiti etnik mereka agar seni manik seramik Lun Bawang tidak sama sekali dengan seni manik etnik lain yang turut membangunkan seni kraf tangan manik di Sarawak.

1.2 Pernyataan Masalah

Perkembangan industri manik seramik di Sarawak merupakan salah satu fenomena yang sangat besar kerana seni kraf ini sangat popular dan berkembang dengan jayanya di Sarawak dan Sabah. Pelbagai jenis manik banyak dihasilkan bahkan sesetengah manik yang reka dijadikan perlambangan dan identiti sesebuah etnik di Sarawak dan Sabah seperti etnik Murut, Bidayuh, Iban dan termasuklah etnik Lun Bawang berdasarkan kreativiti sesebuah masyarakat itu. Trend masa kini memperlihatkan semakin ramai individu cuba menceburi bidang perniagaan seperti penghasilan manik, mungkin golongan itu mahu menjana pendapatan lumayan tidak kurang juga ingin dikenali ramai.

Di situ dapat dinilai kekuatan diri individu terbabit, seorang demi seorang

usahawan terpaksa menghentikan perniagaan disebabkan tidak mampu menangani ujian mendatang. Berbalik kepada seorang pengusaha manik seramik iaitu Helena yang hampir 10 tahun telah mengusakannya berpendapat di dalam Metro Online bertarikh 30 September 2019 mengatakan bahawa:

Atas sebab itu, saya cuba mencari bidang yang kurang mempunyai saingan selain ia perlu serasi dengan diri saya sendiri. Akhirnya saya menemui bidang manik seramik yang mempunyai keunikan sendiri iaitu manik lebih tahan lama dan warna lebih cantik, katanya.
(Metro Online, 30 September 2019)

Menceburi bidang penghasilan manik telah membantu Helena menjana pendapatan yang lumayan malah ianya telah mencungkil bakat dan kreatifitinya dalam menghasilkan lebih banyak manik seramik yang unik dan kreatif. Beliau berpendapat bahawa aspek kreativiti dalam penghasilan manik merupakan salah satu isu yang perlu



dipandang serius bagi pengusaha manik terutamanya di Sarawak untuk bersaing dan menghasilkan manik-manik yang lebih berkualiti dan menarik. Permasalahan yang sering dihadapi pengusaha manik kebiasannya melibatkan sumber bahan mentah yang semakin terhad dan juga ketandusan idea dalam menghasilkan manik seramik. Menurutny lagi di dalam Metro Online bertarikh 30 September 2019 mengatakan bahawa:

Apabila terbabit dalam bidang ini, antara cabaran terbesar adalah untuk mendapatkan bekalan bahan mentah termasuk perlu menempah manik istimewa dari luar Semenanjung. Disebabkan dua cabaran itu, saya perlu ada perancangan rapi terutama dalam memastikan bekalan bahan mentah tidak terputus, perancangan itu bukan saja dari segi tarikh tepat menempah dan pengiraan perbelanjaan. Tambahnya, dia tidak mahu sebarang tempahan pelanggan yang diterima perlu ditunda disebabkan masalah mendapatkan bekalan bahan mentah. Disebabkan itu, saya perlu pastikan bahan mentah sentiasa cukup, tidak terlalu berlebihan juga tidak pula terlalu berkurangan, walaupun kedengaran remeh namun ia tidak semudah disangka. Selain itu, saya juga perlu kreatif menghasilkan rekaan yang menarik. Saya perlu pastikan setiap pekerja juga kreatif kerana mereka banyak membantu saya dalam menghasilkan tempahan. Ada juga rekaan yang dihasilkan mengikut kehendak pelanggan itu sendiri,” katanya.

(Metro Online, 30 September 2019)

Oleh hal yang demikian, dapat dilihat bahawa aspek kreativiti sangat penting dalam penghasilan manik terutamanya manik seramik di Sarawak supaya ianya mampu menjadi salah satu industri kecil yang mampu bertahan hingga ke hari ini. Di samping ianya masih lagi belum terkenal dalam kalangan masyarakat umum.

Menurut Alice Daring di dalam Borneo Post Online bertarikh 17 November 2017 yang mengatakan bahawa:

Beads are valued highly by the Lun Bawang and the scarcity of antique beads eventually led to the establishment of a small industry for producing ceramic beads (BAU).

(Borneo Post Online, 17 November 2017)



Berdasarkan penerangan Alice Darling ini jelas menunjukkan bahawa manik ini sangatlah penting dalam industri di Sarawak terutamanya bagi etnik Lun Bawang kerana mereka memandang tinggi terhadap seni manik seramik yang dihasilkan berdasarkan kreativiti mereka dalam mengolah sumber idea mereka corak manik, penghasilan manik dan cara mengkomersialkan manik mereka. Kreativiti yang ditunjukkan ini telah menyebabkan scenario perkembangan seni manik Lun Bawang di Lawas.

Selain itu juga, senario perkembangan seni manik seramik Lun Bawang ini sebenarnya menjadi salah satu persaingan ekonomi di Sarawak. Seriring dengan perkembangan kraf yang lain, seni manik seramik Lun Bawang ini telah mendapat nama di mata dunia termasuk Eropah dan China. Bukan itu sahaja manik seramik ini merupakan salah satu manik yang sangat popular dalam kalangan pelancong. Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meradong Datuk Ding Kuong Hiing di dalam Utusan Borneo Online bertarikh 23 Oktober 2023 mengatakan bahawa:

Produk kraf tangan berasaskan manik terutamanya mengekalkan konsep tradisional dan melambangkan sesebuah etnik, kini amat digemari dan sentiasa mendapat permintaan pasaran. Daya kreatif dan penghasilan produk yang pelbagai daripada produk ini mempunyai nilai pasaran agak tinggi. Dengan peluang itu, kita berharap masyarakat dan komuniti berbakat dan berminat menceburi bidang penghasilan produk berasaskan manik dapat memanfaatkan peluang menjana pendapatan dan menjadi usahawan berjaya, katanya. (Utusan Borneo Online, 23 Oktober 2023)

Ini turut dijelaskan oleh Patricia Busak di dalam Borneo Post Online bertarikh 24 November 2021 yang mengatakan bahawa:

Produk manik seramik disitu tertumpu kepada aksesori barang kemas seperti rantai, gelang dan anting-anting yang bukan sahaja mendapat permintaan tinggi pasaran tempatan malah turut menjadi pilihan dalam pasaran antarabangsa



termasuk di China dan Eropah. Katanya, manik seramik berwarna warni dengan pelbagai saiz serta bentuk menjadi buah tangan popular buat pelancong yang berkunjung ke pusat kraftangan itu, selain pengunjung turut berpeluang untuk membuat sendiri manik seramik itu. Industri kecil ini sememangnya membantu suri rumah di sini meraih pendapatan tambahan yang rata-ratanya juga adalah kumpulan petani. Produk ini juga sentiasa menjadi pilihan kerajaan negeri dan agensi pelancongan untuk dijadikan bahan pameran pada festival kraftangan atau pelancongan dalam negara mahupun di luar negara,” katanya.

(Borneo Post Online, 24 November 2021)

Merujuk kepada pernyataan Patricia Busak jelaslah sejak zaman berzaman, kemahiran mengadaptasikan kreativiti mengubah seni manik seramik ini telah menjadi satu seni tradisi dalam kalangan etnik Lun Bawang Sarawak kerana kebijaksanaan mereka mengadaptasikan dan memanipulasi sumber alam sebagai objek kepada identiti mereka. Dengan menghasilkan kepelbagaian reka corak dan motif yang sangat unik dan kreatif seiring dengan perkembangan industri manik di Sarawak. Seni manik ini dijadikan sebagai salah satu sumber pendapatan utama bagi sesetengah masyarakat dan dijadikan sebagai satu warisan nenek moyang mereka. Namun permasalahan yang timbul masih ramai masyarakat umum tidak mengetahui bahawa manik ini sebenarnya merupakan sebahagian daripada komoditi dagangan utama bagi masyarakat dahulu berdasarkan penemuan serpihan artifak serta peninggalannya di tapak arkeologi.

Penemuan manik telah direkodkan di tapak arkeologi Sungai Mas, Lembah Bujang, Kedah serta Gua Niah dan Santubong di Sarawak. Namun, permasalahan yang dapat dilihat industri manik ini semakin dilupakan dan tidak diperkenalkan kepada seluruh tempat dan masyarakat disebabkan oleh perkembangan zaman semasa sehingga menenggelamkan keindahan seni manik terutama di Sarawak dan kreativiti sesebuah masyarakat itu semakin dilupakan oleh generasi sekarang berkaitan kemahiran dan kepakaran etnik mereka dalam penghasilan seni manik. Bahkan etnik Lun Bawang juga



terpaksa bergelut dengan perkembangan teknologi semasa yang menenggelamkan originaliti manik yang dihasilkan disebabkan persaingan dengan manik plastik yang lebih cepat dihasilkan dan lebih menarik.

Memetik kata-kata Henry Sum Agong di dalam Utusan Borneo Online bertarikh 3 Jun 2016 mengatakan bahawa:

Kebudayaan masyarakat Lun Bawang katanya lagi, harus ditonjolkan dari segi adat resam, budaya, sukan serta muzik tradisional supaya masyarakat lain dapat mengenali keunikan budaya mereka. Kekuatan budaya yang ditonjolkan melalui Irau Aco amat penting agar generasi muda dapat mempelajari keunikan budaya ini secara keseluruhannya,ujarnya.
(Utusan Borneo Online,3 Jun 2016)

Jelaslah dapat dilihat menerusi kenyataan Datuk Henry bahawa seni manik seramik ini sangat penting kepada etnik Lun Bawang ini dan harus diperkenalkan kepada masyarakat umum. Hal yang demikian kerana, seni manik seramik etnik Lun Bawang tidak kurang hebatnya kerana keunikan manik masyarakat ini dikatakan tinggi nilai estetikanya dari segi kreativiti mereka dalam proses pembuatan dan reka coraknya kerana ia masih lagi mengekalkan pembuatan berdasarkan ilmu daripada nenek moyang mereka dengan kepakaran mengadaptasikan sumber-sumber alam sebagai sumber ilham dalam penghasilan reka corak dan motif manik. Oleh hal yang demikian, sememangnya kreativiti etnik Lun Bawang ini di dalam penghasilan seni manik seramik di Sarawak masih belum diangkat tinggi dan diperkenalkan kepada masyarakat umum dan masih ramai tidak mengetahui makna ragam hias dan fungsi manik ini terutama bagi etnik Lun Bawang.

1.3 Objektif

Di dalam kajian ini, objektif utama penyelidik adalah :

- i. Meneroka sejarah seni manik esramik etnik Lun Bawang di Sarawak.
- ii. Mengenal pasti aspek kreativiti penghasilan kraf manik seramik dalam etnik Lun Bawang.
- iii. Menganalisis makna ragam hias dan fungsi manik seramik dalam etnik Lun Bawang.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Bagaimanakah sejarah seni manik seramik etnik Lun Bawang di Sarawak mula berkembang?
- ii. Apakah aspek kreativiti yang dilihat dalam penghasilan kraf manik seramik etnik Lun Bawang?
- iii. Apakah makna ragam hias dan fungsi manik seramik dalam etnik Lun Bawang?



1.5 Batasan Informan

Seorang pengusaha industri manik di Sarawak iaitu Puan Patricia Busak dan dua orang pekerja Puan Patricia Busak dipilih sebagai tumpuan responden utama dalam kajian ini. Justifikasi pemilihan responden kajian ini adalah berdasarkan pengalaman, pengetahuan dan keupayaan mereka dalam memberikan maklumat yang diperlukan berkaitan seni manik di Sarawak dan etnik Lun Bawang. Sebahagian besar responden kajian ini mempunyai hubung kait dan pengaruh yang besar dalam membangunkan seni manik etnik Lun Bawang dan beberapa responden ini masih aktif menghasilkan seni manik turun temurun ini sehingga ke hari ini.



1.5.2 Batasan Objek Seni



Batasan objek seni merujuk kepada objek utama kajian iaitu seni manik seramik etnik Lun Bawang di Sarawak. Aspek penting dan diberikan perhatian lebih adalah memperlihatkan berkenaan olahan motif-motif manik yang dihasilkan, reka corak seni manik seramik, bentuk manik, saiz manik, bahan yang digunakan untuk menghasilkan manik dan juga proses dalam penghasilan manik seramik ini. Perincian kajian ini adalah merujuk sepenuhnya kepada seni manik seramik etnik Lun Bawang dan memberi tumpuan kepada aspek pengaruh, gaya dan olahan, identiti dan juga bahan.



1.5.3 Batasan Tempat

Batasan tempat kajian yang dipilih oleh penyelidik terletak di Kampung Long Tuma Lawas, Lawas Sarawak. Justifikasi pemilihan tempat ini adalah berdasarkan kepentingan terhadap kajian ini iaitu menganalisa kaedah dan proses penghasilan seni manik seramik etnik Lun Bawang dari segi olahan motif, bahan yang digunakan dan proses penghasilannya serta memperlihatkan pengaruh seni manik yang dihasilkan oleh etnik Lun Bawang kepada industri manik di Sarawak.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat penting dan bermakna untuk memperkayakan ilmu pengetahuan berkenaan peranan dan kepentingan etnik Lun Bawang dalam memberi sumbangan besar kepada industri seni manik seramik di Sarawak. Kajian ini sebenarnya menjurus kepada pengenalan kepada budaya dan estetika etnik Lun Bawang dalam menghasilkan seni manik dan ingin mengangkat budaya dan seni manik seramik etnik ini kepada global disebabkan segelintir masyarakat tidak tahu kewujudan seni kraf yang kreatif ini.

Memperkenalkan keunikan dan keistimewaan seni manik seramik Lun Bawang serba sedikit dapat membuka mata masyarakat setempat bahawa etnik ini mempunyai nilai kreativiti yang tinggi dalam menghasilkan seni manik mereka malah ianya dapat meningkatkan perkembangan kreativiti dalam proses penghasilan seni manik seramik di Sarawak sama ada dari segi rekaan corak atau penghasilan manik itu sendiri.

Sememangnya etnik Lun Bawang mempunyai identiti seni manik mereka dan ia perlu dihebahkan kepada masyarakat di Malaysia. Hasil kajian ini juga secara tidak langsung akan membangun dan memperkayakan lagi dokumen sejarah terutama dalam kraf seni manik ini.

Kajian seni manik seramik Lun Bawang diharapkan dapat menambah pengetahuan baru kepada masyarakat setempat agar mengetahui bagaimana sebenarnya manik seramik etnik Lun Bawang menerusi kreativiti mereka dalam penghasilan seni manik mampu memberikan satu nilai dan makna kepada pemakai manik ini. Mempunyai keindahan ragam hiasnya dan makna kepada pemakainya mampu menjadikan manik seramik sebagai salah satu objek seni yang tinggi nilainya dan perlu diketahui oleh masyarakat setempat. Oleh itu, sangatlah rugi sekiranya pengaruh budaya ini tidak dihebahkan ke seluruh Malaysia dan diangkat sebagai satu keindahan yang wajib diketahui.

Akhir sekali, penyelidik berharap agar kajian ini akan dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada generasi muda dan pengusaha industri di Malaysia supaya dapat mengangkat seni dan industri manik ini agar ia terus menjadi tumpuan utama di samping menjadi pendapatan utama kepada pendapatan negara. Selain itu juga hasil kajian ini dapat membantu organisasi-organisasi yang memperjuangkan seni kraf Malaysia seperti Pusat Pembangunan Kraf Sarawak untuk memperjuangkan dan mengangkat seni manik etnik Lun Bawang ini sebagai salah satu seni kraf warisan yang patut dikenali oleh masyarakat umum. Kepentingan kajian ini juga adalah untuk melindungi hak dan identiti tempatan supaya tidak dicemari oleh akulturasi daripada budaya lain sehingga sukar untuk mengenal pasti masyarakat yang menghasilkannya.



1.7 Definisi Operasional

Pada bahagian ini, akan menghuraikan definisi objek utama kajian mengikut kesesuaiannya dengan konteks kajian yang dijalankan. Subjek yang didefinisikan dalam kajian ini ialah manik, motif, Lun Bawang dan kreativiti.

1.7.1 Manik

Manik seramik di dalam kajian ini merupakan objek hiasan kecil yang terdapat dalam bahan pelbagai bentuk dan saiz seperti batu, tulang, kulit, kaca, plastik, kayu atau mutiara dan dengan lubang kecil untuk memasukkan benang atau tali. Manik seramik ini mempunyai saiz dari bawah 1 milimeter (0.039 in) hingga diameter lebih daripada satu sentimeter (0.39 in). Manik boleh disusun dengan menggunakan benang khusus, dirantai menggunakan benang atau kawat lembut, mudah lentur, atau dilekatkan pada permukaan (contohnya kain atau tanah liat). Dalam kajian ini, manik merujuk kepada objek seni utama yang memperlihatkan dari segi olahan motif, reka bentuk manik, proses pembuatan manik serta makna ragam hiasa manik yang dikaji.

1.7.2. Lun Bawang

Istilah Lun Bawang merujuk kepada Orang Ulu atau orang pedalaman yang menetap di kawasan kaki bukit dan berdekatan dengan sungai. Lun Bawang juga merujuk kepada sebuah masyarakat yang hidup dengan berhijrah dari satu tempat ke satu tempat di



pulau Borneo bagi meneruskan hidup melalui sumber alam semula jadi yang di sekelilingnya. Namun begitu, etnik Lun Bawang terdahulunya digelar sebagai kaum Murut. Menurut Tom Harrisson (1959) dan S. Runciman (1960), kaum ini adalah yang terawal menetap di kawasan pergunungan di pertengahan Pulau Borneo. Di Sarawak, kebanyakan etnik Lun Bawang menetap di bahagian kelima terutama di Lawas, Trusan dan di persisiran sungai Limbang. Lun Bawang juga terdapat di Kalimantan, Sabah dan Brunei. Di Sabah, mereka dikenali dengan panggilan Lun Dayeh. Merujuk kepada kajian, etnik Lun Bawang terutama pengusaha manik Patricia Busak merupakan responden penting dalam kajian untuk mendapatkan maklumat kajian yang diperlukan.

1.7.3. Kreativiti

Secara umumnya, kreativiti merujuk kepada kebolehan atau keupayaan untuk mencipta, mewujudkan atau menghasilkan sesuatu yang baharu dan asli. Kreativiti juga memerlukan daya imaginasi yang tinggi, penerokaan dan kebolehan dalam membina sesuatu media baharu. Selain itu juga, kreativiti juga merujuk kepada keupayaan berfikir yang dapat melahirkan idea baru yang unik dan menarik. Kreativiti juga merujuk kepada bentuk pengetahuan, keyakinan, pemahaman atau wawasan dan kesemua bentuk kemahiran kreatif yang perlu dihayati, dipraktiskan, diajarkan dan diwariskan dari generasi ke generasi. Dalam kajian yang dijalankan, aspek kreativiti dititikberatkan dari segi aspek rekaan manik, motif, cara pembuatan manik dan termasuklah makna ragam hias manik yang dihasilkan.

1.8 Rumusan

Seni manik seramik etnik Lun Bawang merupakan salah satu objek seni yang sangat tinggi nilai estetikanya walaupun perkembangan seni manik seramik Lun Bawang masih belum diketahui secara umum kewujudannya sehingga kini oleh masyarakat setempat. Keunikannya dari segi reka bentuk manik, pengolahan reka corak dan penghasilannya yang sangat unik di samping seiring dengan perkembangan sejarahnya menjadikan ianya salah satu objek seni yang tinggi nilai estetikanya. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan bagi mengkaji tentang seni manik seramik Lun Bawang di samping menjawab persolan-persoalan yang dikemukakan berdasarkan kajian manik seramik. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengangkat kreativiti seni manik seramik Lun Bawang dan memperkenalkan kepada masyarakat setempat.